



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN LADANG SISTEM PENGAIRAN  
TASEK JUNJONG, SIMPANG EMPAT,  
SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. SEBUTHARGA :**

**JPS/SPS/N/SH/PB/ 26 -2011**



**Jurutera Daerah  
Seberang Perai Selatan  
Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi  
14200 Seberang Perai Selatan**



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN LADANG SISTEM PENGAIRAN  
TASEK JUNJONG, SIMPANG EMPAT  
SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/PB 26 -2011**

**Isi Kandungan**

<b>Bil</b>	<b>Keterangan</b>
1	<b>Kenyataan Sebutharga</b>
2	<b>Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor Lampiran A1- Surat Akuan Pembida Lampiran A2- Surat Akuan Pembida Berjaya</b>
3	<b>Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga</b>
4	<b>Dokumen C – Borang Sebutharga</b>
5	<b>Dokumen D – Jadual Kadar Harga</b>
6	<b>Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am</b>
7	<b>Spesifikasi</b>
8	<b>Dokumen 1(1)- Senarai Kerja Yang Telah Siap</b>
9	<b>Dokumen 1(2)- Rekod Pengalaman Penyebutharga</b>
10	<b>Pelan Punca</b>
11	<b>Pelan Pembida</b>

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**



**KENYATAAN SEBUTHARGA**

1. **Sebutharga** adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. SEBUTHARGA	TAJUK KERJA
JPS/SPS/N/SH/PB/26 -2011	KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN LADANG SISTEM PENGAIRAN TASEK JUNJONG, SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN

2. **Kontraktor-kontraktor** yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
- i. Pusat Khidmat Kontraktor(PKK) dalam KELAS F di bawah Kepala 1, Sub-Kepala 7(a) & 7(b);
  - ii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
  - iii. Berdaftar di bawah e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. **Segala maklumat** boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Tingkat 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sungai Jawi mulai dari 19 Mei 2011
4. **Dokumen Sebutharga** boleh diperolehi dari laman web e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan bayaran sebanyak RM 10.00.
5. **Taklimat / Lawatan tapak** akan diadakan pada 19 Mei 2011 jam 9.30 pagi di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai selatan, untuk tujuan tersebut.
6. **Sebutharga** ini akan ditutup pada 23 Mei 2011. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Ting 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi, sebelum 12.00 tengahari pada hari tersebut. Resit pembelian hendaklah dikepilkan bersama Borang Sebutharga.
7. **Nota : \* Sessi Taklimat** adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang ditauliahkan menghadiri sesi taklimat dibenarkan memperolehi Dokumen Sebutharga.

.....  
**MOHAMAD HAFIZUL BIN HAMID**  
Jurutera Daerah  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Seberang Perai Selatan.

**ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

1. **HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. **CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

2.1 **Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

(a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,

(b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,

(c) Senarai Kerja Dalam Tangan,

(d) Lampiran Spesifikasi yang ditandatangani.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 **Penyerahan Dokumen Sebutharga**

Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/SPS/N/SH/PB/ 26 -2011

(a) serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.

(b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

(c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

(d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

3. **PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

4. **TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

5. **TEMPOH BANTAHAN**

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN**

**1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA**

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

**2. BON PERLAKSANAAN/INSURANS**

- (a) ~~Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga Sebutharga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Bank Islam, Jaminan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bank Berhad, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful atau memilih Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga sebutharga. (bagi nilai sebutharga melebihi RM 50,000.00)~~
- (b) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam \* dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah pasal 9(d).

**3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

**4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

*\*Potong jika tidak diperlukan*

**5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

## **6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

## **7. RINGKASAN SEBUTHARGA**

- (i) Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurna.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harta akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

## **8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA**

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap atau muflis.

**10. KERJA PERUBAHAN**

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.
- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

**11. TEMPOH LIABILITI KECACATAN**

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu 6 bulan dari penyiapan kerja bagi nilai kerja kurang daripada RM50,000.00 dan 12 bulan bagi nilai kerja melebihi RM50,000.00.

**12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

**13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan mengembalikan Inden Kerja Asal.



**BORANG SEBUTHARGA**

**No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/PB/ 26 -2011**

**Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Seberang Perai Selatan,  
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,  
14200 Sungai Jawi.**

Tuan,

**Sebutharga Untuk :**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN LADANG SISTEM PENGAIRAN TASEK  
JUNJONG,SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN**

---

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

Ringgit Malaysia.....  
(RM .....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa .....8..... minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada ..... haribulan .....2011.

.....  
(Tandatangan Pentender)

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .....

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

Alamat : .....

.....  
Atas sifat : .....

.....

.....Meteri atau Cop Syarikat

**JADUAL KADAR HARGA**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN LADANG SISTEM PENGAIRAN TASEK  
JUNJONG,SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN.**

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Amaun (RM)
1.0	<p>Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja JPS, antaranya:</p> <p>a) Penyediaan tapak bina seperti pembersihan kawasan, memancang tanda, laluan dan jalan sementara.</p> <p>b) Polisi Insurans &amp; Liabiliti Awam.</p> <p>c) Gambar-Gambar Pelaksanaan Kerja (sebelum, semasa dan selepas) berbentuk 1 No - 'Thumbdrive' yang dipersetujui bersaiz 2GB.</p> <p>d) Mengemas, membersihkan dan membaiki tapa apabila siap.</p> <p>e) Butiran-butiran lain, kehendak-kehendak permulaan dan syarat-syarat am yang tidak disebut di atas.</p>	Harga Pukul	-	-	
	JUMLAH HARGA DIBAWA KE MUKA SURAT D/2	-	-	-	

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Amaun (RM)
2.0	<p>KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN LADANG SISTEM PENGAIRAN TASEK JUNJONG,SIMPANG EMPAT, <u>SEBERANG PERAI SELATAN.</u></p> <p>Menyediakan segala keperluan tenaga buruh, mesin dan lain-lain peralatan bagi melaksanakan dan menyiapkan Kerja-Kerja menaiktaraf jalan ladang sistem pengairan Tasek Junjong,Simpang Empat , Seberang Perai Selatan dengan mengikut spesifikasi pelan seperti di lampiran A.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Kerja-Kerja menaiktaraf jalan ladang sistem pengairan Tasek Junjong dari ch 0 – ch 360 .</u></li> </ul> <p><u>Kerja-kerja tersebut adalah termasuk seperti berikut:-</u></p>				
2.1	<p><u>Membersih Tapak</u> Membersih tapak bina dan scrap rumput –rumput diatas jalan ladang yang sediaada sebelum kerja-kerja dimulakan. Seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penjaga.</p> <p><u>Kerja-kerja menaiktaraf jalan ladang ladang Tasek Junjong</u> (size : 360m panjang x 4 meter lebar )</p>	m/per	3728		-
2.2	<p><u>Crusher run</u></p> <p>Membekal dan melabor crusher run berukuran 360 meter panjang x 4 meter lebar x 150 mm tebal,termasuk kerja-kerja pemandatan.</p>	m/padu	216		
2.3	<p><u>Quarry Dust</u></p> <p>Membekal dan melabor quarry dust berukuran 360 meter panjang x 4 meter lebar x 50 mm tebal, termasuk kerja-kerja pemandatan.</p>	m/padu	72		
	<p><b>JUMLAH DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA : D/3</b></p>				

**Sambungan dari muka surat D/2**

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Amaun (RM)
3.0	<u>Kerja-kerja menaiktaraf jalan ladang sungai Tasek cempedak dari ch. 0.495 – 1.400 (size : 700m panjang x 3.5m lebar)</u>				
4.0	<u>Crusher Run</u> Membekal dan melabor crusher run berukuran 705 meter panjang x 3.5 meter lebar x 150 mm tebal, termasuk kerja pemadatan.	m/padu	870		
	<u>Quarry Dust</u> Membekal dan melabor quarry dust berukuran 705 meter panjang x 3.5 meter lebar x 50mm tebal, termasuk kerja-kerja pemadatan.	m/padu	123		
5.0	<u>Memasang Box Culvert</u> Membekal dan memasang Box culvert lintasan mini tar kampung Seberang Tasek.(1000mm x 900mm) sepanjang 15 meter. termasuk dengan kerja menurap semula jalan mini tar yang sediada (Crusher Run setebal 150mm/Premix setebal 75mm) Nota: Kerja-kerja memasang box Culvert. 250 mm concrete Bedding Grade 25 c/w 2layer BRC A8.	bil	2		
	JUMLAH HARGA	-	-	-	

(Ringgit Malaysia : .....)

( RM .....)

Kuantiti ini adalah hanya sebagai panduan sahaja kepada kontraktor dan Jabatan, ini tidak menjamin ketepatannya. Kerja-kerja adalah mengikut Sebutharga dan Spesifikasi yang dikeipikan serta arahan Pegawai Penjaga.

## KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM

1	Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja menaiktaraf jalan lading system pengairan tasek junjong Seberang Perai Selatan oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
2.	Tempat Letak Tapakbina	2.1 Tapakbina ini terletak di sungai Ke, Kawasan Saliran sungai Bakap, Seberang Perai Selatan.
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.
5.	Saliran Tapakbina	5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina.  5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh kontrak.
6.	Kerosakan Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dll.	6.1 Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembentong-pembentong yang sedia ada adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji-
	Kerosakan	loji atau pekerja-pekerjanya ke atas mana-mana jalan, pembentong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki


	<b>Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dll.</b>	kerusakan-kerusakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P atau sebaliknya, dia hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut sebagai potongan dari wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor ini.
7.	<b>Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditapakbina</b>	7.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor –Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.
8.	<b>Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor</b>	8.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunkan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.
9.	<b>Butir-Butir Pekerja</b>	9.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.
10.	<b>Gambar Foto Kemajuan Kerja</b>	13.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja pada tiap-tiap bahagian dalam bentuk digital pada tiap-tiap sesi kerja pembinaan sangkar batu sepertimana yang diarahkan oleh P.P. Bilangan purata gambar foto yang diambil tiap-tiap bahagian pada sesi kerja pembinaan sangkar batu hendaklah mencukupi bagi menunjukkan kemajuan kerja pembinaan sangkar batu tetapi hendaklah tidak kurang daripada tiga pemandangan satu bahagian dan Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada P.P dalam bentuk 'Thumbdrive' yang dipersetujui bersaiz 2GB, bersama-sama dengan tiga keping salinan gambar foto digital berwarna bersaiz poskad bagi setiap pemandangan yang diluluskan. Kesemua gambar foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan selamat.

**SPESIFIKASI**

1. **Sebutharga ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga kerja, mesin jangkaut dan segala peralatan kerja untuk menjalankan kerja-kerja Membina ban di sungai kecil Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan dan segala tumbuhan dan pokok yang berada di kawasan tapak kerja hendaklah dibuang dan dibersihkan.**
2. **Harga Sebutharga ini termasuklah sewaan mesin untuk pemindahan tanah merah serta keperluan kerja-kerja berkaitan, penyediaan kerja-kerja sementara seperti menyediakan laluan sementara, pembentung sementara lain-lain yang diluluskan.**
3. **Lukisan pembinaan yang disertakan adalah sebagai panduan dan semua kerja-kerja di tapak hendaklah mengikut spesifikasi seperti lukisan pembinaan. Sekiranya terdapat sebarang masalah hendaklah menghubungi pegawai penguasa untuk pengesahan.**

## PELAN PUNCA

**LOKASI TAPAK Menaiktaraf Jalan Ladang sistem pengairan Tasek Junjong, Simpang Empat, SEBERANG PERAI SELATAN.**





## A. Rekod Pengalaman Kontraktor

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

- *Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*

## B. Senarai Kerja-kerja Dalam Tangan

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

- *Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*



**SURAT AKUAN PEMBIDA**  
**Bagi**  
**(Tajuk dan Nombor Tender / Sebut Harga)**

.....

Saya, ..... Nombor **K.P.** ..... yang memiliki .....nombor pendaftaran ..... dengan ini mengistiharkan bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau mana-mana individu lain, sebagai mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak menambil tindakan-tindakan berikut :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga \* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....  
Nama :  
No. K.P :  
Cop Syarikat :

.....  
Nama :  
No. K.P :

Catatan :\* Potong mana yang tidak berkaitan



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**  
**Bagi**  
**(Tajuk dan Nombor Tender / Sebut Harga)**

.....

Saya,..... Nombor K.P .....  
yang memiliki ..... nombor  
pendaftaran ..... dengan ini mengistiharkan bahawa saya  
mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan rasuah kepada mana-mana individu  
dalam ..... atau mana-mana  
individu lain, sebagai mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah  
menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu  
dalam ..... atau mana-mana individu lain sebagai  
ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik  
syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut :

- 2.4 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga \* di atas;  
atau
- 2.5 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* yang ditandatangani tanpa bayaran  
gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau  
menawarkan rasuah; dan
- 2.6 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau  
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan  
tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan  
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau  
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama  
No. KP)  
Cop Syarikat :

Catatan :\* Potong mana yang tidak berkaitan